

## **UCAPAN YB DATUK SERI SALAHUDDIN AYUB**

### **MAJLIS AMANAT TAHUN BARU 2020**

*(Al-Nisaa' 4:58)* Firman Allah SWT antara lain yang bermaksud sesungguhnya Allah memerintahkan supaya urusan amanah itu diserahkan kepada mereka yang ahli, yang selayaknya. Sekiranya kamu menghukum di kalangan manusia, maka hendaklah kamu menghukum dengan seadilnya.

Saya mengucapkan kesyukuran kehadiran Allah SWT kerana kehadiran yang begitu ramai pada pagi ini. Saya mengucapkan Selamat Menyambut Tahun Baru 2020 dan kita akan menghadapi cabaran yang semakin besar dalam melangsungkan perjuangan yang masih jauh dan panjang. Saya juga bersyukur kehadiran Allah SWT kerana diberikan kekuatan untuk masih terus berdiri di sini dan insyaAllah terus berlari pantas hadapan dalam menerajui kementerian yang sangat besar, sangat dekat dengan rakyat. Di mana keluhan, tangisan, keringat dan tenaga mereka merupakan nadi dan denyut jantung kita bersama untuk kita pastikan mereka akan dapat menikmati kehidupan yang lebih baik selaras dengan Wawasan Kemakmuran Bersama yang baru-baru ini dilancarkan oleh kerajaan dan paling penting meningkatkan pendapatan mereka untuk mereka juga boleh hidup sepertimana rakyat seluruhnya di dalam negara kita.

Masa untuk saya belajar telah tamat. Masa untuk saya mencuba-cuba telah selesai. Saya berdiri pada pagi ini untuk memimpin pasukan kementerian dengan langkah-langkah yang telah kita susun melalui halatuju yang dilancarkan dengan jelas dan menuntut kepada pelaksanaan yang lebih tuntas. Masa untuk saya mencuba-cuba juga telah berakhir. Ini bukan lagi zaman untuk terkial-kial ataupun ter cari-cari arah tuju. Tetapi berbekalkan pengalaman satu tahun 8 bulan sudah cukup mendewasakan saya dan menjadikan saya lebih yakin bertindak untuk terus mengarahkan dan memberikan pedoman supaya kementerian ini mampu menyahut cabaran YAB Perdana Menteri. Dalam pertemuan tertutup empat mata dengan saya, beliau berkata WKB tidak akan menjadi kenyataan kecuali MOA memberikan sumbangan paling besar ke arah mencapai matlamat tersebut.

Saya tidak akan teragak lagi untuk memberi arahan jelas, mengambil tindakan yang lebih tegas dan seterusnya saya akan cuba sedaya mungkin untuk mengasaskan pemikiran, gagasan kerja yang lebih konstruktif yang saya tuntut dari pasukan kementerian yang dipimpin KSU dan seluruh pegawai-pegawai kanan kementerian dan agensi untuk mendukung apa yang bakal kita bawa bersama tahun ini.

Ada dua kelompok yang masih lagi kita tidak dapat tangani secara tuntas nasib mereka iaitu pesawah padi dan nelayan yang masih miskin yang menjadi agenda besar untuk kita selesaikan. Segala polisi-polisi baru akan dicipta dan dimuktamadkan dan polisi-polis yang lama, yang ketinggalan zaman akan kita tinggalkan.

Oleh itu, pasukan kementerian mesti bersama mendukung untuk memastikan golongan ini dapat diselamatkan dan dikeluarkan secepat mungkin dari kumpulan B40 supaya mereka dan generasi akan datang akan dapat berterima kasih dengan anda semua. Kerana khidmat bakti kita pada hari ini akan menjadi langkah yang menyelesaikan permasalahan esok.

Kita tidak boleh *work in silo*. Setiap jabatan yang wujud dalam kementerian ini, agensi yang berada di landasan betul, semua GLC yang bersama dengan kita harus melihat agenda ini, agenda besar kita. Tidak ada guna mendaki tangga gaji turus tanpa mereka ini menikmati kehidupan yang selayaknya mereka dapat di bawah kementerian yang sangat besar ini. Hidup mati kita di sini bergantung kepada hidup mati mereka. Kita hendaklah menjadikan nafas mereka nafas kita, mesti menjadikan tangisan mereka sebagai tangisan kita dan menjadikan penderitaan mereka juga sebagai penderitaan kita. Usaha ini merupakan amal soleh, esok di akhirat kelak kita akan dapat bahagiannya kerana kita telah usahakan satu ibadah fardu kifayah. Dengan usaha itu kita keluarkan mereka dari garis kemiskinan. Jangan hanya menganggap amal jariah itu mendirikan masjid dan madrasah. Mengeluarkan mereka dari kemiskinan, menyenangkan mereka mendapat subsidi, tidak memaksa mereka menunggu hasil dari kerajaan; adalah fardu kifayah. Kita orang Islam sangat mudah memahami konsep ini kerana dengan apa kita lakukan hari ini, usaha itulah yang akan mengubah nasib dan masa depan mereka.

Kalau kita mengkaji, dan dalam lawatan ke Taiwan, Jepun, Korea Selatan, China, The Netherlands semua pegawai akan cakap kagum dengan negeri kecil seperti Taiwan, Belanda tetapi mengeksport barang pertanian hampir keseluruhan dunia. UPM, MARDI, kita ada 600 saintis, kita ada tokoh macam Profesor Fatimah, kita ada pemikir seperti Profesor Jomo yang melahirkan banyak idea besar untuk mengubah landskap pertanian negara tetapi kita masih gagal untuk memastikan Malaysia pada hari ini dapat meningkatkan pendapatan petani-petani kita. Oleh itu, saya mengharapkan KSU akan memastikan kerenah birokrasi yang mungkin menebal lagi dalam agensi dapat dimusnahkan. Kalau tidak dapat musnah 100%, kita pendekkan rantai birokrasi itu. Samada melalui perolehan atau khidmat nasihat, *waiting time* sesuatu prosedur itu dapat kita percepatkan. Kerana lebih cepat kita menghantar segala bantuan dari kementerian kepada golongan sasaran, mereka akan dapat memajukan diri mereka dan dapat membekalkan makanan yang secukupnya. Kerana itulah MOA wujud.

Objektif utama MOA wujud untuk membekalkan makanan yang secukupnya kepada negara. Dengan makanan yang cukup kita dapat menstabilkan harga makanan bagi rakyat. Ini sangat penting. Jangan ada lagi satu permohonan lesen sampan, jangan ada lagi permohonan untuk mendapat bantuan kerajaan yang dibuat berbulan-bulan dan bertahun-tahun tidak dapat dilaksanakan kerana kerenah birokrasi. Kita yang mencipta peraturan itu jadi kita boleh merombak peraturan itu. Kita boleh *give a clear direction* kepada jabatan dan agensi untuk mempercepatkan.

Saya ucap tahniah apabila saya diberi kesempatan untuk melancarkan ezi myGap. Daripada 2 tahun untuk dapatkan sijil myGap boleh dipendekkan kepada 3 bulan tanpa berkompromi dengan kualiti dan integriti. Kita mahu memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan-pelanggan kita supaya apa yang kita lakukan hari ini akan dapat dimanfaatkan petani-petani kita di seluruh negara.

Saya mengharapkan tahun 2020 ada jabatan kita yang sama seperti JPJ. Sekarang kalau hilang lesen tak perlu buat laporan polis. Hari ini mungkin dengan satu kaunter boleh menyelesaikan segala masalah. Hari ini KWSP boleh menunjukkan rekod kecemerlangan. Dulu kalau beri dokumen ada sahaja yang tidak kena, ada yang tidak cukup. Sekarang dengan satu butang boleh selesaikan masalah rakyat. Ini yang kita mahu; kecemerlangan wujud dalam MOA. Kita boleh buat. Di luar petani miskin yang mengharapkan kita. Kalau berlaku kerenah antara jabatan saya akan mengambil tanggungjawab.

Baru ini kita ke Perlis. Sawah kering kontang. Masih ada lagi jawapan mengatakan 'ini bukan kuasa saya', 'ini mesti dirunding dengan jabatan'. Petani hari-hari menangis tengok padi rosak. Peraturan apa ini? Tuduh menuduh antara satu sama lain. Saya mahu perkara ini selesai *once and for all*. Saya tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan kepada mana-mana pegawai yang cuba untuk bermain-main dengan tanggungjawab dan cuba melakukan sesuatu yang tidak menepati ikrar yang anda janjikan.

Di tangan saya masih ada nama pegawai yang menipu borang pendaratan ikan, masih ada dalam simpanan saya. Saya baru waktu itu. Saya ada nama pegawai yang memperlekehkan minit saya tulis, yang mengatakan 'siapa dia'? Nama pegawai saya masih ada. Saya bukan jenis pendendam, saya maafkan mereka. Tetapi 2020 saya bukan lagi Salahuddin Ayub 2019. Saya tidak takut dan tidak teragak-agak lagi untuk memastikan pegawai-pegawai kita dapat melakukan tugas dengan penuh tanggungjawab. Selagi saya betul dan tidak melakukan penyelewengan dan salah guna kuasa, saya wajib ditaati. Tidak perlu iring saya, beri bunga, nyanyi lagu hari jadi untuk saya, saya tidak minta itu semua. Yang saya pohon ialah kebersamaan kita menerajui kementerian untuk rakyat di luar sana yang selayaknya mendapat banyak manfaat dari kementerian yang besar ini.

Saya diberitahu tidak sampai 50% belanja pembangunan dapat dilaksanakan, kita kena beri balik MOF. Apa maknanya ini? Salah ibu yang mengandung? Salah menteri yang memimpin? Salah KSU yang menjalankan urus tadbir?

Pegawai yang iring jangan sekadar iring saya, mesti belajar dan mengerti siapa saya. Bagaimana saya begitu *passionate* untuk mengagihkan Rezeki Tani. Air mata saya mengalir melihat mereka mendapat bantuan kita. Bagi kita mungkin tidak ada apa-apa, hanya sebuah *oven*. Apa makna kualiti bagi kita tetapi bagi mereka yang miskin yang ada anak kecil yang masih mampu berdiri memasak kuih, besar makna itu bagi mereka. Duit kita banyak tidak habis belanja, kenapa?

Rezeki Tani mesti menjadi agenda kita. Mesti kita berikan apa yang menjadi milik mereka. Cari nelayan, pesawah yang miskin, isteri mereka. Saya ucap tahniah kepada DOF dan LKIM yang berusaha meningkatkan pasar nelayan. Saya tidak syok kalau Faiz nak puji, memang dia nak puji diri dia kalau boleh tetapi bila ada pemberitaan kata pasar nelayan mendapat sambutan, ada kajian kata kalau buat sungguh-sungguh pasar nelayan ini dapat menghapuskan orang tengah, ini kejayaan kita. Saya mahu kita fokus satu-satu. Kalau orang lain boleh memberi pengiktirafan kepada Food Bank yang menolong mahasiswa yang miskin, mengumpul makanan yang tidak habis, menjadikan KPDNHEP ada *baby* yang boleh dibanggakan. Kita tidak kurang, ada banyak agensi, *stakeholders* kita lebih ramai.

Saya mahu setiap agensi, FAMA, LKIM, MARDI, NEKMAT, LPP, semua mesti mencipta dua program yang luar biasa. Saya tidak nak yang biasa-biasa. Melawat sana melawat sini, ada *mock cheque*. Betul kena ada *mock cheque* itu tetapi bukan itu sahaja. Pergi untuk menyelesaikan masalah. Pemimpin tugasnya adalah untuk menyelesaikan masalah. KSU, sila perhatikan jadual saya, disamping SUSK, SUS, mungkin tahun ini kurang ke pentas rasmi sana, rasmi sini. Media sosial di luar sana meluat tengok menteri dengan *tie*, kasut hitam. Mungkin saya akan banyak serah kepada setiausaha politik, KSU, TKSU. Lebih banyak tahun ini turun padang jumpa kumpulan sasar kita dan selesai secara tuntas.

LPNM banyak saya dengar *success stories* tetapi masih belum mendasari untuk tolong benar-benar kerana kita telah letak tanaman nanas dalam sumber kekayaan baru yang mesti kita dapat santuni setiap golongan dan ada pakej yang mahasiswa di universiti bila dia klik portal LPNM, dia akan nampak peluang bekerja untuk mendapatkan pendapatan dengan pakej yang ditawarkan. Saya mahu ini berlaku pada semua agensi barulah anak muda dapat tengok. Bukan mereka jumpa kita bawa *proposal*, itu pun bila pula selesai, yang menteri minit pun tidak dipedulikan.

Tahun ini saya mewajibkan apabila saya minit sesuatu surat, bila YBTM minit sesuatu surat, wajib untuk dilaksanakan dengan cepat dan akan saya tuntutan berapa masa perkara itu mesti ditunaikan. Jangan main-main lagi dan saya tidak akan teragak-agak memastikan pegawai buat kerja dengan baik dan akan mengambil tindakan ke atas pegawai yang tidak mahu bekerja dengan saya. Anda makan gaji. Saya hari ini menteri, esok? Minggu depan saya akan pergi mesyuarat kabinet dan tidak ada lagi rakan saya menteri pendidikan. *What's the moral of the story?* Kita tidak boleh kekal dimana kita duduk melainkan kita yakin kita di sini untuk menunaikan amanah Allah, rakyat dan negara.

Saya mahu tahun 2020 ini kita menjadi sebuah kementerian insyaAllah kementerian terbaik di kalangan kementerian yang lain. KSU terbaik, ketua-ketua pengarah yang terbaik dan kita mampu untuk buktikan. Ini suatu yang mudah dan rakyat boleh beri *appreciation*.



Saya dah cakap dengan KSU seawal dia masuk pejabat saya mahu pegawai paling hadapan, iaitu pegawai pengembangan yang saya telah beri pujian kepada pegawai-pegawai ini pada bulan Julai yang saya jumpa hampir 1,000 orang di MARDI. Saya punya pengalaman selepas tamat belajar saya jadi petani dan pegawai pengembangan masa itu *world class*. Wataknya, sopannya, subuh di surau dan sarapan dengan petani. Malam ketuk pintu pak cik beri nasihat. MOA dulu memang mendapat tempat di hati rakyat. Saya mahu KSU senaraikan pegawai pengembangan ini. Mereka mesti baik PR, mesti bagus budi bahasa dan mesti ada *passion*. Yang tidak sesuai, tukar. Ambil orang baru.

Saya juga minta pegawai di *front desk* kalau jenis *moody*, jangan. Mati kita. Yang kena saya. Kalau wanitanya, cantik ini subjektif, tetapi yang boleh bercakap dengan pelanggan. Yang lelaki yang menepati kriteria pegawai *front desk*. Bila kita ke bank, syarikat korporat, hatta ke Bukit Aman, yang sambut saya PRO itu mesti yang kakak, muka manis, boleh bercakap. Yang ganas duduklah D7, D8, FRU. Bukan saya nak memperlekeh pegawai, mungkin ada watak-watak tertentu yang kena tegas tetapi di *front desk* mesti dimiliki pegawai yang benar-benar boleh menggambarkan MOA di hati rakyat, MOA payung rakyat, tempat rakyat berteduh dan kita mesti memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

Tentang polisi saya akan merombak polisi yang lapuk dan ketinggalan zaman dan saya akan mencipta bersama pegawai kerajaan untuk kita dekati polisi yang lebih relevan dan lebih pantas dan cekap. Isu benih padi dan baja yang lambat sampai kepada petani ini harus kita selesai secara tuntas. Saya akan buat polisi baru, dengan cepat kita laksanakan. Banyak kita kena tinggalkan cara yang tidak lagi relevan. Kita akan pelbagaikan di peringkat *output* tetapi tidak boleh secara drastik tarik *hand brake*. Kena ada *soft landing*, kena santuni mereka. Pelan komunikasi yang lebih efektif harus dibuat di peringkat kementerian.

UKK kena lebih proaktif bukan hanya kerja rutin seharian. Saya akan minta PRO dan UKK akan ada satu pertemuan khas dan saya akan beri *direction* baru. Saya akan minta yang berminat untuk bekerja dengan UKK kalau rasa tak sesuai minta tukar dengan KSU. Saya mahu yang *passionate*, yang bukan mengampu saya. Tak perlu UKK buat *poster* ampu saya. Puji lebih ini orang meluat baca, orang menyampah. Tetapi UKK mesti mempamerkan all the *success stories* dalam MOA. Saya ucapkan tahniah kepada UKK semasa membuat kad laporan ada 18 *achievements* yang boleh kita bangga bersama walaupun masih banyak lagi saya tidak puas hati tetapi 18 itu *benchmark* yang kita boleh *develop*, ia kejayaan kita bersama. Kita boleh buat lebih dari itu sebenarnya dengan kekuatan kita ada. Kita buat kolaborasi antara kementerian.

Saya dah minta statistik dari KP DOF. Kalau dengan rakyat ini senang, kalau pergi jeti ke Mersing, Kemaman, pantai-pantai di Kelantan, kita kata 'bagus dah banyak ikan', cukuplah. Mereka tidak faham statistik. Mereka pergi laut tambah pendapatan. Seperti di pasar nelayan, tak ada orang tengah, hasil dapat ditingkatkan. Setakat Disember dapat tahan 221 bot nelayan asing dalam tempoh tidak sampai setahun. Saya akan terus tegas dalam kabinet, saya minta PM jangan berhentikan Ops Naga. Tengok 5, 6 bulan akan datang insyaAllah ikan akan berenang ke pantai. Jangan ketawakan saya. Ini Ibu Susi ajar saya, *iron lady* Indonesia. Dia tahan bot asing, dia bakar bot yang masuk. Dia kata beri tiga tahun, dia buktikan dan semasa melawat saya dia katakan ikan-ikan itu berenang di pantai. Dengan hanya bot kecil, tangkapan hasil laut mereka sangat lumayan dan lihat satu persatu dasar mereka membuahkan hasil atas ketegasan dan komitmen pemimpin yang berjiwa rakyat.

Tentang baja, saya akan memastikan sampai pada masanya. Kalau ini pun tak boleh selesai? Ini bukan *rocket science*. Saya bukan nak Neil Armstrong pergi ke angkasa lagi. Ini pengurusan baja. Kita ada LPP, PPK, yang tahu tanam, tuai bulan berapa. Baja apa nak guna. Tak boleh selesai? Saya minta benda ini diselesaikan. Tak selesai juga nak salahkan siapa? Saya ke Kedah dan Perlis baru ini saya boleh terima, air surut, hujan tidak turun, kemarau datang awal. Ini kerja Tuhan. Tetapi baja kerja Tuhan juga? Benih padi tak sampai kerja Tuhan? Kalau penyakit, BLB, kita selesai secara penyakit. Jangan berulang pada 2020.

Bukan masa untuk kita bermain-main dengan tugas yang diberikan kepada kita dan saya akan memastikan bahawa segala punca kuasa yang ada pada saya akan saya laksanakan sepenuhnya. Saya belajar siapa yang boleh *execute* kuasa itu. Kata kawan-kawan di parlimen dulu *'if you have power, you are powerful, if you don't use your power, you're a bloody fool and people will make a fool out of you'*.

Saya dah belajar kuasa yang ada pada saya dan saya sudah belajar di mana kuasa itu perlu diberikan dan digunakan. Yang penting, saya yang ada kuasa tidak menyalahguna kuasa dan menyeleweng kuasa. Kalau saya melakukan itu, Allah akan hukum saya, parti saya akan hukum saya dan YAB PM akan mengambil tindakan terhadap saya. Selagi mana dengan kuasa yang ada saya mahu MOA memastikan semua arahan dari saya melalui KSU mesti dilaksanakan dengan sempurna mungkin kerana ini menentukan wibawa kita semua.

Apabila kita bercakap tentang banyak lagi dasar yang saya akan beri penekanan, tentang baja, subsidi, pemodenan vesel, tentang bagaimana untuk menggigit anak muda masuk dalam perikanan, kita tidak boleh bergantung kepada vesel yang ada. Siapa nak kerja? Mana-mana pegawai yang pernah naik vesel, tandas tak ada. Nak pergi dua minggu, sebulan, kena runding dengan isteri dulu, kadang-kadang pergi 3 bulan. Jadi pemodenan vesel penting. Vesel buat dalam negeri mahal. Jadi apa polisi kita? Saya dah bincang dengan KP DOF, kita akan wujudkan model baru untuk pemodenan vesel.

Di laut lepas, pindaan Akta Perikanan telah diluluskan dan sekarang semakin ramai pemain yang berminat untuk ke laut lepas. Kita akan bentuk dasar yang jelas tentang pendaratan ikan, percukaian mereka akan kita bincang dengan MOF dan semua ini akan jadikan kita *pro business* dan melahirkan lebih ramai pemain industri dalam sektor perikanan.

Tentang pemasaran, FAMA mesti memberikan perkhidmatan yang lebih cemerlang dan pastikan tugas asas tidak diabaikan iaitu memastikan setiap hasil pertanian di dalam negara ini dapat dipasarkan. Saya balik kampung baru-baru ini, beli durian kampung tepi jalan satu kilogram RM10. Saya akan bincang dengan KSU, banyak dusun durian kita akan jadikan destinasi agropelancongan. Orang Singapura nak kelainan, nak makan durian, nak dengar durian gugur. Untuk orang kampung, kita akan jadikan kebun mereka pusat pelancongan. Duit yang diberikan kepada mereka boleh buat *homestay* dan jalan masuk kampung. Belum lagi kita bercakap tentang Harumanis. Semua insentif ini akan kita fokuskan dengan menepati golongan sasaran. Ini memerlukan kesungguhan kita dan dalam bab ini LPP memainkan peranan penting untuk memastikan setiap projek ini benar-benar sampai ke golongan sasaran, bukan hanya kepada mereka yang buat *proposal* bagus.

Saya juga berterima kasih dengan komitmen DVS, pada tahun ini insyaAllah, konsep jenamakan semula projek lembu pawah dapat dilaksanakan tahun ini kerana dapat meningkatkan SSL. Ini akan menggembirakan orang kampung dan kita boleh beri tawaran lebih besar kepada anak muda untuk menceburi sektor pertanian.

Sebenarnya dah ada di kalangan mereka yang jadi jutawan. Saya sedang bincang dengan kerajaan Sabah dan Sarawak mereka nak beri tanah dan bayangkan apabila Tun memberi peringatan kepada saya mengenai WKB di sini saya melihat MOA jadi wadah paling penting untuk memberi perkhidmatan ini.

Tahun ini juga saya mahu melihat konsep *urban farming* dilaksanakan dengan jayanya di bandar dan pinggir bandar. Saya mahu mencabar kementerian saya sendiri tentang konsep ini. Saya mahu melihat ada satu bangunan di kawasan kita ini yang kita benar-benar tunjukkan ini konsep *vertical farming, precision farming, urban farming*.

Saya menjadi semakin yakin dengan kementerian ini dan saya menganggap anda semua rakan perjuangan yang akan mendukung cita-cita besar ini dan saya yakin semua yang dibincang pagi ini dapat disampaikan dengan baik. Sekiranya kita berpegang kepada janji setia kita kepada rakyat dan negara, semua perkara saya sebut tadi akan dapat menjadi satu kenyataan insyaAllah. Saya ucap terima kasih kepada komitmen yang diberikan dan saya akan pastikan tak ada *barrier* antara saya dan anda semua. Saya adalah saya, Salahuddin adalah Salahuddin. *You can come to see me at any time, you can call me, you can WhatsApp me at any time*. Subuh pun tidak apa, itu memang kerja saya dari dulu. Saya bersedia berkhidmat dan menyelesaikan masalah rakyat.

Saya sangat menghormati pegawai kerajaan. Itu janji saya di hari pertama masuk MOA saya tidak akan mempergunakan anda untuk kegunaan politik. Masa PRK, ada had untuk anda menolong saya. *I've drawn the line*, itu tanda penghormatan saya dan saya tak pernah paksa anda pakai baju parti saya. Saya mahu diberikan sedikit penghormatan di atas kebersamaan kita dan saya akan menghormati anda semua dan saya mengharapkan anda menghormati pegawai-pegawai yang bekerja dengan saya. Kolaborasi itu sangat penting. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Tan Sri Abdul Rahman Mamat, kepada semua anggota penasihat kerajaan yang telah banyak berperanan untuk kita pastikan Majlis Penasihat Pertanian juga memberi input penting kepada saya. Saya akan bincang untuk beri mereka kuasa tambahan supaya mereka dapat *involved* dalam perkara melibatkan dasar yang saya perlukan kepakaran mereka untuk saya terus memberikan perkhidmatan terbaik kepada kementerian ini insyaAllah.

Kepada Allah saya berserah atas nasib dan masa depan saya, kepada semua marilah kita jadikan MOA pasukan terbaik dan semuanya akan dapat dipraktikkan dan sampai ke golongan sasaran. Jangan lupa golongan sasaran di luar sana sangat mengharapkan sentuhan kasih dari tangan kita.